



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

BAHASA MELAYU

Kertas 1

2 jam

1103/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[30 markah]

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pengurusan stres dalam kalangan murid di negara kita.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang pengurusan stres dalam kalangan murid di negara kita.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Stres bukan sahaja boleh terjadi pada orang dewasa tetapi juga terhadap golongan kanak-kanak dan remaja terutama pelajar sekolah.



Berdasarkan statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 15.6 peratus pesakit mental di Malaysia yang berpunca daripada stres terdiri daripada golongan pelajar.



Amalkan gaya hidup sihat



 SERTAI TELEGRAM @exercise_students

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

Soalan 1

Kekurangan tenaga mahir dalam negara boleh menjejaskan perkembangan sektor ekonomi, khususnya dalam bidang perindustrian dan teknologi. Sehubungan dengan itu, kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dapat dilahirkan. Antara usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah dengan memperkasa pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) bagi melahirkan tenaga mahir yang memenuhi keperluan pasaran kerja kini.

Huraikan usaha kerajaan yang dinyatakan dalam petikan berserta usaha-usaha lain.

Soalan 2

Isu buli siber merupakan permasalahan yang hangat dibincangkan kini. Buli siber merujuk kepada penggunaan teknologi digital seperti media sosial, pesanan teks atau platform lain untuk menyebarkan mesej yang menghina, mencaci, mengugut atau mengganggu individu secara berterusan. Isu buli siber mampu diatasi sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing.

Sumber: berita.rtm.gov.my

Sebagai respons pernyataan di atas, huraikan peranan-peranan tersebut.

Soalan 3

KUALA LUMPUR: Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terus menjadi pemacu penting ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak 38.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2022. Namun, sektor ini masih berdepan cabaran seperti peningkatan kos operasi dan persaingan digital. Bagi memperkukuh sektor ini, pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuk penyediaan bantuan kewangan dan latihan keusahawanan serta penggunaan teknologi digital dalam pemasaran produk.

Berdasarkan petikan di atas, huraikan inisiatif-inisiatif untuk memajukan bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kini.

Soalan 4

Rakyat Malaysia pula hanya membaca kurang tiga jam seminggu dan rekod purata membaca rakyat Malaysia kurang memberangsangkan iaitu 15 hingga 20 buku setahun. Menelusuri statistik berkaitan membaca pada setiap tahun menimbulkan pelbagai penilaian, perspektif, persoalan dan budaya membaca dalam kalangan rakyat kita. Jurang statistik suram ini perlu diambil perhatian. Antara cabaran yang dikenal pasti ialah remaja terpengaruh dengan penggunaan telefon pintar, kurang galakan daripada ibu bapa serta pengaruh rakan sebaya.

Sumber: www.bharianonline.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan cabaran-cabaran membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi muda.

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah